

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL
[KANGAR]**

TARIKH : 10 MAC 2015 (SELASA)

SOALAN :

Ir. Shaharuddin bin Ismail [Kangar] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan statistik terkini keluarga miskin tegar di Perlis yang berdaftar di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat dan nyatakan bentuk bantuan daripada sudut insentif perniagaan yang telah dan bakal diberikan untuk membantu keluarga miskin tegar ini untuk keluar daripada kepompong kemiskinan.

JAWAPAN:

Statistik terkini keluarga miskin tegar di Perlis yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat sehingga September 2014 adalah sebanyak 8,804 kes dengan jumlah peruntukan yang disalurkan sebanyak RM16,560,143.

Kementerian turut memberi tumpuan kepada pendekatan *Productive Welfare* bagi membantu para penerima bantuan kebajikan keluar daripada kepompong kemiskinan. Geran Pelancaran yang merupakan bantuan sekali gus kepada penerima bantuan JKM yang produktif bagi memulakan projek atau aktiviti ekonomi agar mereka dapat berdikari dan seterusnya keluar daripada kepompong kemiskinan. Geran Pelancaran ini diberikan secara *one-off* iaitu maksimum sebanyak RM2,700 bagi setiap penerima.

Merujuk statistik khasnya di negeri Perlis, sehingga September 2014, Bantuan Geran Pelancaran telah disalurkan kepada seramai 32 orang penerima yang melibatkan peruntukan sebanyak RM38,780.